



Kertas 1

1. Mengapakah British bersetuju dengan idea pembentukan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961?

- A Memudahkan pentadbiran
- B Memajukan taraf hidup penduduk
- C Mengawal kuasa politik orang Melayu
- D Menghapuskan persaingan kuasa Barat

2. Mengapakah Sir Geofroy Tory mencadangkan supaya Persekutuan Tanah Melayu bergabung dengan Singapura?

- A Membentuk kerjasama ekonomi
- B Melemahkan parti berhaluan kiri
- C Mengukuhkan kedudukan imigran
- D Mengimbangkan komposisi penduduk

3. Apakah rasional idea pembentukan Malaysia?

- I Mengukuhkan kuasa British
- II Mempercepat kemerdekaan
- III Mengatasi ancaman komunis
- IV Menghalang peluasan kuasa luar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4. Antara berikut, parti politik yang manakah menentang rancangan pembentukan Malaysia?

- A SUPP
- B PANAS
- C PESAKA
- D BARJASA


5. Senarai berikut berkaitan dengan peranan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

- X
- Mengumpulkan pandangan rakyat.
- Memberi galakan ke arah pembentukan Malaysia.

Apakah X?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Menggubal perlembagaan negara
- C Mengemukakan cadangan kepada British
- D Menyebarkan maklumat berkaitan dengan pembentukan Malaysia

6. Rajah berikut menunjukkan garis masa ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia.



Apakah X?

- A Suruhanjaya Reid
- B Referendum Singapura
- C Jawatankuasa Eksekutif
- D Majlis Perundangan Persekutuan

7. Apakah fungsi Suruhanjaya Cobbold?

- A Memastikan keluhuran perlembagaan negara
- B Menjamin sistem pendidikan negara lengkap
- C Menjelaskan kepentingan perpaduan nasional dalam kalangan rakyat
- D Meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia

8. Apakah inti pati Perjanjian Malaysia 1963?

- I Sarawak mendapat 15 kerusi Parlimen
- II Islam agama rasmi di Sabah dan Sarawak
- III Sabah dan Sarawak boleh menubuhkan kabinet negeri
- IV British mengiktiraf kedaulatan Singapura, Sabah dan Sarawak
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah diumumkan oleh

- A Tun Abdul Razak Hussein
- B Datu Mustapha Datu Harun
- C Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
- D Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee

10. Mengapakah kerajaan Indonesia melancarkan dasar konfrontasi?

- A Menuntut wilayah Sabah
- B Mengancam kedudukan Indonesia
- C Mengagalkan gagasan Melayu Raya
- D Mengurangkan kuasa politik orang Melayu

Kertas 2

Bahagian A

1. Pada 27 Mei 1961 dalam majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri di Hotel Adelphi, Singapura, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia.

BUKU TEKS
M.L. 91 - 93

- (a) Namakan **tiga** pegawai British yang pernah mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

- (b) Senaraikan faktor pembentukan Malaysia.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan pembentukan Malaysia terhadap Sabah dan Sarawak.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____
(iv) _____

[4 markah]

2. Cadangan pembentukan Malaysia yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 telah menimbulkan pelbagai reaksi di Sabah dan Sarawak.

BUKU TEKS
M.L. 95 - 96

- (a) Namakan parti politik Sarawak yang terlibat dalam penggabungan membentuk Parti Perikatan Sarawak pada bulan Oktober 1962.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

- (b) Mengapakah rakyat Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia menjelang akhir tahun 1961?

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____
(iv) _____

[4 markah]



- (c) Apakah nilai yang diamalkan oleh pemimpin Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak dalam usaha membentuk Malaysia?

- (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____

[3 markah]

Bahagian B

1. Negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand menunjukkan pelbagai reaksi terhadap rancangan pembentukan Malaysia.

BUKU TEKS
ms. 97, 107

- (a) Bagaimanakah reaksi Filipina dan Thailand terhadap cadangan pembentukan Malaysia? [6 markah]
 (b) Gambar berikut menunjukkan peristiwa konfrontasi terhadap Malaysia.



Jelaskan tindakan Indonesia untuk menggagalkan usaha pembentukan Malaysia. [8 markah]

- (c) Kejayaan pembentukan Malaysia membuktikan kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin negara. Berikan penjelasan anda. [6 markah]

2. Bermula pada bulan Julai 1961, berlaku beberapa peristiwa penting ke arah merealisasikan penubuhan Malaysia.

BUKU TEKS
ms. 98 - 103

- (a) Huraikan langkah ke arah merealisasikan pembentukan Malaysia. [10 markah]
 (b) Terangkan intipati Perjanjian Malaysia. [6 markah]
 (c) Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia telah membawa kebaikan kepada rakyat. Buktikan pernyataan tersebut. [4 markah]

Pendidikan Sivik

Nilai Teras: Homat-menghormati

Tajuk: Dunia Sejahtera

Aktiviti PAK-21: Meja bulat

- Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan akan mengadakan perbincangan secara meja bulat.
- Tajuk yang boleh dibincangkan ialah:
 - Muafakat Membawa Berkat
 - Bersatu Membina Negara Sejahtera
 - Keamanan Dipelihara, Rakyat Sejahtera
 - Berunding Lebih Baik Daripada Berperang